



Ruj. Kami : KKM600-25/10/24 Jld.40 (10)
Tarikh : 24 April 2026

SENARAI EDARAN SEPERTI LAMPIRAN

YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan,


TAWARAN MENGIKUTI PROGRAM LANJUTAN PERINGKAT DIPLOMA LANJUTAN DAN POS BASIK SECARA SEPENUH MASA DI INSTITUT LATIHAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BAGI SESI SEPTEMBER 2026

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin mempelawa pegawai-pegawai dalam perkhidmatan **Paramedik dan Auksiliari Kesihatan** yang sedang berkhidmat di Kementerian/Jabatan/Agensi/fasiliti YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan untuk mengikuti Program Lanjutan di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) secara sepenuh masa bagi sesi September 2026.
3. Bagi memudahkan proses permohonan kali ini, penawaran akan dilaksanakan mengikut tarikh-tarikh berikut:

| BIL. | PERKARA | TARIKH |
|-------|--|----------------------------------|
| (i) | Permohonan secara dalam talian | 4 Mei hingga 18 Mei 2026 |
| (ii) | Sokongan Penyokong 1 dan 2 | 18 Mei hingga 24 Mei 2026 |
| (iii) | Perakuan Jabatan Kesihatan Negeri/Agensi | 25 Mei hingga 8 Jun 2026 |

Pemohon, Penyelia, Ketua Jabatan dan Jabatan Kesihatan Negeri perlu melaksanakan peranan iaitu melaksanakan saringan yang terperinci bagi setiap pemohon sebelum menyokong permohonan dalam Sistem Permohonan Program Lanjutan (e-LDP) bagi melancarkan proses permohonan, sokongan dan perakuan permohonan calon dalam **tempoh yang telah ditetapkan.*



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT NO : QMS 03659



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT NO : QMS 03659

4. Butiran syarat dan kriteria serta tatacara permohonan adalah seperti di **Lampiran 1 hingga 3**. Maklumat permohonan juga boleh didapati dengan melayari Sistem Permohonan Program Lanjutan, Kementerian Kesihatan Malaysia <http://eldp.moh.gov.my/>. Sebarang pertanyaan berhubung permohonan Program Lanjutan Sesi September 2026 boleh die-melkan kepada kursuslanjutan@moh.gov.my.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(EMILLIA ROSNIZAR BINTI AHMAD HANIPIAH)

Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Latihan
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k.

KSU

KPK

TKSU (P)

TKSU (K)

TKPK (P)

TKPK (KA)

TKPK (P&ST)

s.k.

TKPK (KP)

TKPK (PF)

TKPK (K&KM)

P (PP)

P (PKK)

P (KP)

P (AP)

P (PKA)

P (SKB)

P (JR)

SUB (SM)

SUB (KP)

Ketua-Ketua Pakar Perkhidmatan

LAMPIRAN

Senarai Edaran:

Pengarah-Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri

Pengarah
Institusi-Institusi Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah-Pengarah Hospital

Pengarah Hospital Kuala Lumpur

Pegawai Kesihatan Daerah
Pejabat Kesihatan Daerah

Pegawai Kesihatan Bahagian
Pejabat Kesihatan Bahagian

Pegawai Kesihatan Kawasan
Pejabat Kesihatan Kawasan

Setiausaha
Lembaga Jururawat Malaysia

Setiausaha
Lembaga Pembantu Perubatan Malaysia

Pengarah Institut-Institut Latihan KKM

Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan
Markas Angkatan Tentera Malaysia
Kementerian Pertahanan.

Institusi/Fasiliti Kesihatan Badan-badan Berkanun

Institusi/Fasiliti Kesihatan Swasta

**SYARAT-SYARAT PENAWARAN PROGRAM LANJUTAN
PERINGKAT DIPLOMA LANJUTAN DAN POS BASIK DI INSTITUT LATIHAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA SESI SEPTEMBER 2026**

1. SYARAT AM

- 1.1 Berumur tidak melebihi **50 tahun** pada **tarikh tutup tawaran**;
- 1.2 Berkhidmat secara **TETAP** atau **^aKONTRAK**;
- 1.3 Pegawai telah **disahkan dalam skim perkhidmatan** terkini bagi lantikan tetap pada tarikh tutup permohonan;
- 1.4 Bagi calon **Kerajaan & Badan Berkanun**, pegawai perlu mencapai **purata markah Penilaian Prestasi Tahunan 85% dan ke atas** bagi tempoh **TIGA (3) tahun dalam skim perkhidmatan terkini secara BERTURUT-TURUT (2023, 2024, 2025)** termasuk penilaian semasa dalam **tempoh lantikan kontrak**. Penilaian Prestasi Tahunan hendaklah **GENAP 12 BULAN**;
- 1.5 Bagi pegawai **Peningkatan Secara Lantikan (PSL)**, pegawai perlu **disahkan dalam skim perkhidmatan terkini** dan mencapai **purata Penilaian Prestasi Tahunan 85% dan ke atas** bagi tempoh **TIGA (3) tahun dalam skim perkhidmatan terkini secara BERTURUT-TURUT (2023, 2024, 2025)**. Penilaian Prestasi Tahunan hendaklah **GENAP 12 BULAN**;
- 1.6 Bagi pegawai **Peningkatan Secara Lantikan (PSL)** yang memohon **Diploma Lanjutan Kebidanan**, pegawai perlu **disahkan dalam skim perkhidmatan terkini** dan mencapai **purata Penilaian Prestasi Tahunan 85% dan ke atas** bagi tempoh **DUA (2) tahun dalam skim perkhidmatan terkini secara BERTURUT-TURUT (2024, 2025)**. Penilaian Prestasi Tahunan hendaklah **GENAP 12 BULAN**;
- 1.7 Pegawai **bersih/bebas** daripada sebarang **pertuduhan/prosiding dan tindakan tatatertib, siasatan dan/atau dalam proses dakwaan mahkamah**;
- 1.8 Diperakukan oleh **Ketua Jabatan**;

^aKelayakan bagi pegawai KKM lantikan kontrak adalah tertakluk kepada kelulusan Agensi Pusat

- 1.9 **Lulus pemeriksaan kesihatan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan (termasuk ujian Hepatitis B, Hepatitis C & HIV/AIDS dan U.P.T) selepas calon terpilih untuk mengikuti Program Lanjutan. Sekiranya keputusan pemeriksaan perubatan tidak lulus, tawaran adalah terbatal dengan sendiri;**
- 1.10 **Pegawai bebas daripada penyakit yang boleh menjejaskan keupayaan untuk mengamalkan perubatan (*unfit to practice*) dari segi fizikal dan mental seperti di Lampiran A;**
- 1.11 **Pegawai Kerajaan yang menarik diri dari mengikuti latihan setelah menandatangani kontrak dengan Kerajaan Malaysia akan dikenakan penalti dan tidak layak memohon selagi ikatan kontrak dengan Kerajaan masih berjalan;**
- 1.12 **Pegawai yang menolak tawaran latihan bagi sesi sebelum ini tanpa alasan yang munasabah adalah tidak layak memohon dalam tempoh dua (2) tahun terakhir;**
- 1.13 **Pegawai yang sedang mengikuti mana-mana Program Lanjutan adalah tidak layak memohon;**
- 1.14 **Pegawai wanita hamil tidak layak memohon. Calon juga tidak dibenarkan hamil sepanjang tempoh pengajian;**
- 1.15 **Memiliki Sijil Amalan Profesional yang masih sah (sekiranya berkenaan);**
- 1.16 **telah melepasi tempoh menunggu (*grace period*) selama 3 tahun dari tamat kursus jangka sederhana atau kursus jangka panjang di dalam atau luar negara yang terdahulu dengan jayanya;**
- 1.17 **Pegawai yang telah mengemukakan permohonan pertukaran/ dalam proses pertukaran tempat bertugas tidak layak dipertimbangkan untuk mengikuti Program Lanjutan; dan**
- 1.18 **Pegawai dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) yang ingin memohon Program Lanjutan perlu mendapat kelulusan khas dan mengemukakan surat sokongan Ketua Bidang/Ketua Jabatan kepada Bahagian Pengurusan Latihan.**

2. SYARAT-SYARAT KHAS

Syarat-syarat khas kursus adalah seperti berikut:

2.1 Diploma Lanjutan Kebidanan

- (i) Memiliki **Sijil Kursus Penyusuan Susu Ibu (PSI)** yang menggunakan modul latihan: ***Breastfeeding Promotion and Support: A Training Course for Health Professionals***, MOH, 2009 **termasuk 3 jam latihan amali**, seperti berikut:
 - (a) Sijil Kursus Penyusuan Susu Ibu mestilah **mulai dari tahun 2009**; dan
 - (b) **Minimum 20 jam kursus termasuk 3 jam latihan amali**;
- (ii) Modul latihan bagi kursus PSI 13@18 jam adalah **tidak setaraf** dengan kursus 20 jam.

2.2 Diploma Lanjutan Sitologi

- (i) Keutamaan kepada calon yang mempunyai pengalaman bertugas di Makmal Sitologi **sekurang-kurangnya satu (1) tahun**; atau
- (ii) Menyaring **1,000 slaid** ginekologi.

2.3 Diploma Lanjutan Hematologi

- (i) Keutamaan kepada calon yang mempunyai pengalaman bertugas di Makmal Hematologi **sekurang-kurangnya satu (1) tahun**.

2.4 Diploma Lanjutan Perawatan Perioperatif

- (i) Pengalaman klinikal **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** di dewan bedah am/sub kepakaran; atau
- (ii) Tiga (3) bulan sangkutan (*attachment*) dewan bedah am/sub kepakaran.

2.5 Diploma Lanjutan Perawatan Kesihatan Mental

- (i) Pengalaman klinikal **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** dalam perawatan Kesihatan Mental.

2.6 **Diploma Lanjutan Penjagaan Kecemasan**

- (i) Keutamaan kepada calon yang mempunyai pengalaman klinikal **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** dalam Penjagaan Kecemasan; dan
- (ii) Memiliki **Sijil *Basic Life Support*** yang masih sah.

2.7 **Diploma Lanjutan Perawatan Pediatrik**

- (i) Pengalaman klinikal **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** di Wad Pediatrik/Klinik Pediatrik/Pusat Rawatan Harian Pediatrik/*Paediatric High Dependency Unit/Paediatric ICU*.

2.8 **Diploma Lanjutan Penjagaan Neurosains**

- (i) Pengalaman klinikal **sekurang-kurangnya tiga (3) bulan** dalam penjagaan Neurosains.

2.9 **Diploma Lanjutan Tomografi Berkomputer**

- (i) Pengalaman **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** di bidang Tomografi Berkomputer dalam tempoh tiga (3) tahun terkini perkhidmatan; dan
- (ii) Calon Juru X-Ray (Terapi) perlu memenuhi pra-syarat Buku Rekod Radioterapi sebelum mengikuti kursus ini

2.10 **Diploma Lanjutan Perawatan Neonatal**

- (i) Pengalaman klinikal **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** dalam perawatan Neonatal; dan
- (ii) Memiliki Sijil Amalan Tahunan (APC).

2.11 **Diploma Lanjutan Terapi Senaman**

- (i) Mempunyai Diploma Fisioterapi atau Ijazah Fisioterapi; dan
- (ii) Mempunyai pengalaman kerja minimum selama tiga (3) tahun.

2.12 Diploma Lanjutan Kejururawatan Penjagaan Rapi

- (i) Pengalaman klinikal **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** di unit rawatan rapi;
- (ii) Mempunyai Diploma Kejururawatan;
- (iii) Memiliki Sijil Amalan Tahunan (APC) yang masih sah seperti yang ditetapkan oleh profesion; dan
- (iv) Memiliki sijil yang masih sah untuk ***Basic Life Support*** serta salah satu daripada sijil kursus ***Advanced Life Support (ALS)*** atau ***Malaysian Paediatric Life Support (MPLS)***.

2.13 Pos Basik Perawatan Gastrointestinal Endoskopi

- (i) Mempunyai pengalaman bertugas **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** dalam bidang yang berkaitan dengan penjagaan gastroenterologi; dan
- (ii) Memiliki **Sijil *Basic Life Support*** yang masih sah.

2.14 Pos Basik Pengurusan Penjagaan Luka

- (i) Mempunyai pengalaman klinikal **sekurang-kurangnya enam (6) bulan** dalam bidang yang berkaitan dengan penjagaan luka; dan
- (ii) Keutamaan kepada pegawai yang bertugas dalam Pasukan Penjagaan Luka di hospital.

3. SENARAI KURSUS DAN PUSAT LATIHAN

Senarai bidang kursus yang ditawarkan adalah seperti di **Lampiran 2** dan senarai institut-institut latihan adalah seperti di **Lampiran 3**.

4. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan secara dalam talian adalah pada **18 Mei 2026**.

5. TEMPOH PENGAJIAN

Pelaksanaan adalah seperti berikut:-

- 5.1 **Kursus enam (6) bulan bermula 1 September 2026 hingga 28 Februari 2027; dan**
- 5.2 **Kursus 12 bulan bermula 1 September 2026 hingga 31 Ogos 2027.**

6. TAWARAN DAN YURAN PENGAJIAN CALON SWASTA

- 6.1 Tawaran kepada calon swasta dibuka kepada anggota paramedik dan auksiliari dari institusi/fasiliti kesihatan yang berdaftar.
- 6.2 Kadar bayaran yuran pengajian semasa bagi **pegawai dari institusi/fasiliti swasta** adalah seperti Jadual di bawah:

| KURSUS | TEMPOH | CALON | YURAN |
|------------------|----------|-------------------------|------------|
| Diploma Lanjutan | 12 bulan | Kerajaan/Badan Berkanun | - |
| | | Swasta | RM4,600.00 |
| Pos Basik | 12 bulan | Kerajaan/Badan Berkanun | - |
| | | Swasta | RM4,600.00 |
| Pos Basik | 6 bulan | Kerajaan/Badan Berkanun | - |
| | | Swasta | RM3,500.00 |

7. TATACARA PERMOHONAN

- 7.1 Permohonan adalah secara dalam talian sepenuhnya menerusi sistem ***eldp.moh.gov.my***. Calon hendaklah membaca dan memahami setiap arahan yang dinyatakan dalam Panduan Pengguna serta mengisi butiran dengan lengkap dan memuat naik dokumen yang diperlukan sahaja.
- 7.2 Permohonan perlu disokong oleh penyelia dan Ketua Jabatan **secara dalam talian**. Adalah menjadi **tanggungjawab calon** untuk memaklumkan kepada penyelia dan Ketua Jabatan masing-masing bagi memastikan permohonan telah diambil tindakan. Bagi calon Kementerian Kesihatan Malaysia, permohonan perlulah mendapat perakuan oleh Jabatan Kesihatan Negeri.

- 7.3 Pengakuan calon adalah pernyataan yang diambil kira dalam permohonan ini. KKM berhak **membatalkan permohonan** sekiranya terbukti maklumat yang diberikan adalah palsu atau berbentuk penipuan.

8. TANGGUNGJAWAB JABATAN KESIHATAN NEGERI/KETUA JABATAN

- 8.1 Senarai calon yang telah diperakukan oleh **Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri/Agensi** hendaklah **disahkan secara talian** dan **dikemukakan dalam sistem** oleh **Pentadbir Sistem** mengikut tarikh yang telah ditetapkan;
- 8.2 Memastikan calon-calon yang diperakukan **bersih/bebas daripada sebarang pertuduhan/prosiding dan tindakan tatatertib, siasatan dan/atau dalam proses dakwaan mahkamah;**
- 8.3 **MEMASTIKAN CALON-CALON YANG DIPERAKUKAN ADALAH BERKELAYAKAN DAN MEMENUHI SYARAT-SYARAT AM DAN KHAS KURSUS.**
- 8.4 **Penyelia (Penyokong Pertama) dan Jabatan Kesihatan Negeri/ Ketua Agensi WAJIB untuk memperakukan calon-calon yang memenuhi syarat-syarat khas program dalam Sistem e-LDP mengikut tempoh-tempoh yang telah ditetapkan. Pengesahan syarat-syarat khas perlu dilaksanakan dalam Sistem e-LDP semasa proses perakuan.**
9. **KKM berhak menentukan penempatan bagi pegawai yang mengikuti latihan di mana-mana ILKKM yang melaksanakan kursus-kursus yang ditawarkan bagi setiap pengambilan. PERTUKARAN TEMPAT LATIHAN TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**
10. **Kerajaan berhak meminda apa-apa peraturan dan syarat yang ditetapkan dan/atau menambahnya pada bila-bila masa sahaja tanpa sebarang pemberitahuan dan pegawai/pelatih adalah turut tertakluk kepada pindaan-pindaan tersebut. Kerajaan berhak menarik balik tawaran ini tanpa memberikan sebarang sebab.**

LAMPIRAN 2

SENARAI PROGRAM YANG DITAWARKAN DI ILKKM BAGI
SESI SEPTEMBER 2026

| BIL | PROGRAM | TEMPOH (BULAN) | SKIM PERKHIDMATAN |
|-----|--|----------------|--------------------------------|
| 1. | Diploma Lanjutan Kebidanan | 12 | Jururawat |
| 2. | Diploma Lanjutan Sitologi | 12 | Juruteknologi Makmal Perubatan |
| 3. | Diploma Lanjutan Hematologi | 12 | Juruteknologi Makmal Perubatan |
| 4. | Diploma Lanjutan Perawatan Perioperatif | 12 | Jururawat/PPP |
| | Sub-bidang: | | |
| | i. <i>Cardiothoracic Surgery</i> | | |
| | ii. <i>Otorhinolaryngology Surgery</i> | | |
| | iii. <i>Colorectal Surgery</i> | | |
| | iv. <i>Orthopaedic Surgery</i> | | |
| | v. <i>Neurosurgery</i> | | |
| | vi. <i>Paediatric Surgery</i> | | |
| | vii. <i>Vascular Surgery</i> | | |
| | iii. <i>Radiology Nursing</i> | | |
| | ix. <i>Plastic & Reconstructive Surgery</i> | | |
| 5. | Diploma Lanjutan Perawatan Kesehatan Mental | 12 | Jururawat/PPP |
| 6. | Diploma Lanjutan Penjagaan Kecemasan | 12 | Jururawat/PPP |
| 7. | Diploma Lanjutan Perawatan Pediatrik | 12 | Jururawat |
| 8. | Diploma Lanjutan Penjagaan Neurosains | 12 | |
| | Sub-bidang: | | Jururawat |
| | i. <i>Neuroscience Nursing</i> | | |
| | ii. <i>Neurophysiology Diagnostic & Monitoring</i> | | PPP |
| 9. | Diploma Lanjutan Tomografi Berkomputer | 12 | |
| | Sub-bidang: | | Juru X-ray (Diagnostik) |
| | i. <i>Radiology</i> | | |
| | ii. <i>Radiotherapy</i> | | Juru X-ray (Terapi) |
| 10. | Diploma Lanjutan Perawatan Neonatal | 12 | Jururawat |

| BIL | PROGRAM | TEMPOH (BULAN) | SKIM PERKHIDMATAN |
|------------|---|---------------------------|---|
| 11. | Diploma Lanjutan Terapi Senaman | 12 | Jurupulih Perubatan (Fisioterapi)/ Pegawai Pemulihan Fisioterapi |
| 12. | Diploma Lanjutan Kejururawatan Penjagaan Rapi | 12 | Jururawat |
| 13. | Pos Basik Perawatan Gastrointestinal Endoskopi | 6 | Jururawat/ PPP |
| 14. | Pos Basik Pengurusan Penjagaan Luka | 6 | Jururawat/ PPP |

SENARAI INSTITUT LATIHAN BAGI SESI SEPTEMBER 2026

| BIL | PROGRAM/ILKKM |
|-----|--|
| 1. | Diploma Lanjutan Kebidanan i. Sultan Azlan Shah ii. Sungai Buloh iii. Johor Bahru iv. Kota Kinabalu v. Kuala Pilah (Kejururawatan) vi. Alor Setar (Kejururawatan) vii. Bertam (Kejururawatan) viii. Kubang Kerian (Kejururawatan) ix. Sandakan (Kejururawatan) x. Sibu (Kejururawatan) xi. Cawangan Kuala Terengganu |
| 2. | Diploma Lanjutan Sitologi i. Kuala Lumpur (Teknologi Makmal Perubatan) |
| 3. | Diploma Lanjutan Hematologi i. Kuala Lumpur (Teknologi Makmal Perubatan) |
| 4. | Diploma Lanjutan Perawatan Perioperatif i. Sultan Azlan Shah a) <i>Orthopedic Surgery</i> b) <i>Colorectal Surgery</i> ii. Sungai Buloh a) <i>Vascular Surgery</i> b) <i>Cardiothoracic Surgery</i> c) <i>Radiology Nursing</i> iii. Johor Bahru a) <i>Orthopedic Surgery</i> b) <i>Neurosurgery</i> iv. Kuching a) <i>Plastic & Reconstructive Surgery</i> |

| BIL | PROGRAM/ILKKM |
|-----|--|
| | v. Alor Setar (Kejururawatan) <ul style="list-style-type: none"> a) <i>Cardiothoracic Surgery</i> b) <i>Otorhinalaryngology Surgery</i> vi. Kubang Kerian (Kejururawatan) <ul style="list-style-type: none"> a) <i>Colorectal Surgery</i> b) <i>Paediatric Surgery</i> |
| 5. | Diploma Lanjutan Perawatan Kesihatan Mental <ul style="list-style-type: none"> i. Sultan Azlan Shah ii. Johor Bahru iii. Kuching iv. Kota Kinabalu |
| 6. | Diploma Lanjutan Penjagaan Kecemasan <ul style="list-style-type: none"> i. Sultan Azlan Shah ii. Kuching iii. Kota Kinabalu iv. Alor Setar (Pembantu Perubatan) v. Seremban (Pembantu Perubatan) |
| 7. | Diploma Lanjutan Perawatan Pediatrik <ul style="list-style-type: none"> i. Sultan Azlan Shah ii. Sungai Buloh iii. Kota Kinabalu iv. Bertam (Kejururawatan) v. Kubang Kerian (Kejururawatan) |
| 8. | Diploma Lanjutan Penjagaan Neurosains <ul style="list-style-type: none"> i. Sultan Azlan Shah <ul style="list-style-type: none"> a) <i>Neuroscience Nursing</i> b) <i>Neurophysiology Diagnostics & Monitoring</i> |
| 9. | Diploma Lanjutan Tomografi Berkomputer <ul style="list-style-type: none"> i. Sungai Buloh <ul style="list-style-type: none"> a) <i>Radiology</i> b) <i>Radiotherapy</i> |
| 10. | Diploma Lanjutan Perawatan Neonatal <ul style="list-style-type: none"> i. Sultan Azlan Shah ii. Sungai Buloh iii. Johor Bahru |

| BIL | PROGRAM/ILKKM |
|-----|--|
| | iv. Kuching v. Alor Setar (Kejururawatan) vi. Kubang Kerian (Kejururawatan) vii. Cawangan Kuala Terengganu |
| 11. | Diploma Lanjutan Terapi Senaman i. Sungai Buloh |
| 12. | Diploma Lanjutan Kejururawatan Penjagaan Rapi i. Sungai Buloh ii. Johor Bahru iii. Kuching iv. Kota Kinabalu v. Bertam (Kejururawatan) |
| 13. | Pos Basik Perawatan Gastrointestinal Endoskopi i. Johor Bahru ii. Kota Kinabalu |
| 14. | Pos Basik Pengurusan Penjagaan Luka i. Sungai Buloh |